

RELEVANSI TEORI AL-MASLAHAH MENURUT AL-SYATIBI DALAM MENANGANI ISU PEROBATAN MASA KINI

Noor Naemah Abdul Rahman

Guru Besar dalam Ilmu Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Mohd Anuar Ramli

Dosen Ilmu Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Shaikh Mohd Saifuddeen Bin Shaikh Mohd Salleh

Pakar Rujuk Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Muhammad Ikhlās Rosele

Mahasiswa Pascasarjana dalam Ilmu Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Abstract: *This research focuses on the taking into account of the theory of al-maslahah (benefits) according to al-Syatibi in its application in contemporary medical issues especially in the usage of cadavers for medical education purposes. In achieving this objective, the researcher has identified the conditions for the usage of maslahah according to al-Syatibi in his writing, al-I'tisam. This research found that al-Syatibi is a scholar from the Maliki school who took into account al-maslahah without being bounded with strict conditions. Therefore, the view of al-Syatibi is relevant to be applied in handling contemporary medical issues especially in the usage of human cadavers in medical education.*

Keywords: *maslahah, daruriyyat, hajiyyat, usul al-fiqh.*

Abstrak: Penelitian ini berfokus pada pengambilan ke bagian teori al-maslahah (manfaat) menurut al-Syatibi dalam penerapannya dalam isu-isu medis kontemporer terutama dalam penggunaan mayat untuk tujuan pendidikan kedokteran. Dalam mencapai tujuan ini, peneliti telah mengidentifikasi kondisi untuk penggunaan masalah al-Syatibi dalam tulisannya "al-I'tisam". Penelitian ini menemukan bahwa al-Syatibi adalah seorang ulama dari mazhab Maliki yang memperhitungkan al-maslahah tanpa dibatasi dengan kondisi yang ketat. Oleh karena itu, pandangan al-Syatibi adalah relevan untuk diterapkan dalam menangani masalah medis kontemporer terutama dalam penggunaan mayat manusia dalam pendidikan kedokteran.

Kata Kunci: masalah, daruriyyat, hajiyyat, usul al-fiqh.

Pendahuluan

Islam merupakan *al-din* yang komprehensif lagi progresif, yang mana dalam mensyariatkan suatu hukum, Allah Swt tidak melakukannya secara zalim melainkan telah mengambil kira kemaslahatan manusia dijamin dengan baik.

Perbincangan tentang masalah perlu difahami dengan jelas lagi tepat kerana kesilapan di dalam memahaminya akan memberi implikasi negatif terhadap hukum Islam, yaitu antaranya menghalalkan perkara yang diharamkan oleh Allah dan membatalkan banyak hukum hakam dengan alasan masalah. Dalam kajian ini, pengkaji mengutarakan pandangan tokoh besar ulama Usul al-Fiqh yang membahaskan tentang teori *masalah* yaitu al-Imam al-Syatibi (W. 790H) yang membincangkan hal tersebut sewaktu membahaskan tentang *al-Istislah* atau *al-Masalih al-Mursalah*.

Latar belakang al-Syatibi

Imam al-Syatibi adalah merupakan ulama usul dari mazhab Maliki yang terkemuka, yang mana beliau telah banyak melakukan transformasi di dalam bidang usul al-fiqh.

Nama penuhnya ialah Abu Ishaq Ibrahim ibn Musa ibn Muhammad al-Lakhami al-Garna'ji. Beliau dilahirkan di Granada pada masa dan tahun yang belum dikenalpasti. Muhammad Abu al-Ajfan mengatakan bahawa para penulis biografi tokoh ini tidak menjelaskan tahun kelahirannya tetapi, perkiraan yang boleh dilakukan adalah berdasarkan wafatnya Abu Ja'far Ahmad ibn al-Ziyat,

gurunya yang paling dahulu meninggal dunia, yaitu pada tahun 728 H. Dari tahun ini, diandaikan bahawa tarikh kelahirannya adalah menjelang tahun 720 H. Beliau meninggal dunia pada hari Selasa, 8 bulan *Sya'ban* 790 H. Nisbah nama akhir al-Syatibi dengan *al-Lakhmi* menunjukkan beliau adalah dari suku Arab, *al-lakhmiyah* yang menetap di Andalus. Kemudian, nisbah *al-gharnaṭi* di belakang namanya merujuk kepada tempat lahir, membesar dan berkarier di Garnaṭah (Granada).¹

Pengetahuan mendalam tentang bahasa Arab diperolehi al-Syatibi dari beberapa orang guru, seperti Abu Abdillah Muhammad ibn al-Fakkhar al-Biri (w. 754 H.). Beliau belajar selama beberapa tahun, hingga guru tersebut meninggal dunia. Kemudian Abu Qasim Muhammad ibn Ahmad al-Sabti (w. 760 H.), seorang guru bahasa Arab. Berikutnya Abu Ja'far Ahmad al-Syaqwari (w. 762 H.), yang mengajar *Kitab Sībawaih* dan *Alfiyah* Ibn Mâlik. Pengetahuan tafsir dipelajari dari Abu Abdillah al-Balansi (765 H). Pengetahuan tentang hadis diperolehi dari Abu al-Qasim ibn Bina dan Syamsuddîn at-Tilimsani (w. 767 H.), yang mengajarkan kitab *al-Jami' al-Ṣahih al-Bukhari* dan *al-Muwattaʿ* Imam Malik. Pengetahuan ilmu kalam dan filsafat didupatkannya dari Abu Ali Manṣur al-Zawawi (w. 753 H.). Pengetahuan sastra dipelajari dari Abu Bakar al-Qarsyi al-Hasymi (w. 769 H.). Pengetahuan ilmu *uṣul al-fiqh* didupatkannya dari Abu Abdillah Muhammad ibn Ahmad al-Miqarri (w. 761 H.) dan Abu Abdillah Muhammad ibn Ahmad al-Syarif at-Tilimsani (w. 771 H.). Pengetahuannya tentang hukum Islam dan metode berfatwa diperolehnya dari Abu Sa'id Ibn Lubb (w. 764 H.).²

Adapun karya-karya al-Syatibi tersebut dapat diklasifikasikan kepada dua jenis, yaitu:

1. *Tahrirat li al-qawa'id*, yaitu *Syarh Jalil 'ala al-Khulaṣah fī an-nahwi* dan *Syarh Rajaz ibn Malik fī an-Nahwi (al-Alfiyah)* tentang tata bahasa Arab.
2. *Tahqiqat li muhimmat al-fawa'id*, yaitu *Kitab al-Majalis* yang merupakan syarah *Ṣahīh al-Bukhārī* bab tentang jual-beli (*al-buyūʿ*) dan *al-Muwafaqat fī Uṣul al-Syarīʿah* dan *al-I'tiṣam*.

Konsep al-Maslahah

Perkataan *al-maslahah* berasal dari bahasa Arab, secara etimologinya bermakna

1 Duski Ibrahim, *Metode Penetapan Hukum Islam: Membongkar Konsep al-Istiqrā' al-Ma'nawī asy-Syatibi*, (Yogyakarta: Ar-Ruzz Media, 2008), hlm. 25-26.

2 *Ibid.*, hlm. 27-28.

manfaat, faedah dan kebaikan. Menurut Ibn Manzur, masalahah beerti kebaikan dan ia merupakan bentuk *mufrad (singular)* dari perkataan *masalih (plural)*³

Dilihat dari aspek terminologi, al-Ghazali mendefinisikan *al-maslahah* sebagai:

عبارة في الأصل عن جلب منفعة أو دفع مضرة

“Maslahah adalah menarik manfaat dan menolak kemudaratan”.⁴

Imam al-Syatibi mendefinisikan *al-maslahah* di dalam kitab al-Muwafaqat sebagai:

وأعني بالمصالح ما يرجع إلى قيام حياة الإنسان وتمام عيشه ونيله ما تقتضيه أوصافه الشهوانية والعقلانية على الإطلاق.

“Yang aku maksudkan dengan masalahah ialah sesuatu yang merujuk kepada membangunkan kehidupan insan, kesempurnaan kehidupannya dan mencaipai sesuatu yang dituntut oleh sifat-sifat syahwat dan akal secara mutlak.”

Pembahagian al-Maslahah

Di dalam kategori masalahah dari aspek bentuk umum, ulama usul membahagikan kepada tiga bahagian:⁵

1. *Al-Maslahah al-Mu`tabarah*, yaitu masalahah yang diperakui oleh Syarak dengan mengesahkannya. Ini adalah asas kepada qiyas.
2. *Al-Maslahah al-Mulghah*, yaitu masalahah yang ditolak oleh syarak seperti hukum yang mewajibkan membayar kaffarah kepada perlakuan jimak di bulan Ramadan dengan dimulai puasa dua bulan berturut-turut.
3. *Al-Maslahah al-Mursalah*, yaitu masalahah yang tidak diperakui syariat melainkan mana-mana dalil secara khusus dan tidak juga terdapat dalil yang membatalkannya

Manakala masalahah jika dilihat dari aspek keutamaan, ia dikategorikan kepada tiga kategori juga, yaitu:

3 Ibn Manzur, *Lisan al-`Arab*, juz. 2, (Beirut: Dar al-Fikr, 1972), hlm. 348.

4 Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazali, *al-Mustasfa Min `Ilm al-Usul*, jilid. 1, (Beirut: Dar al-Fikr, tt), hlm. 286.

5 `Abd Allah Bayyah, *Amali al-Dilalat wa Majali al-Ikhtilafat*, (Beirut: Dar al-Minhaj, 2007), hlm. 533 dan 534.

1. *Al-Maslahah al-Daruriyat*

Al-Daruriyat merupakan keperluan yang mana kehidupan agama dan keduniaan manusia bergantung kepadanya, jika sekiranya ia tidak ada, nescaya berlakulah kepincangan hidup manusia di dunia ini dan kehilangan nikmat yang abadi,⁶ serta mengalami keseksaan di akhirat kelak.

Al-Daruriyat yang asasi ini ada lima, yaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda. Segala urusan agama dan kedudukan dibina atas masalah-maslahah ini dan hanya dengan memeliharanya segala urusan individu dan masyarakat berjalan dengan baik.⁷

Para ulama' usul telah membuat ketetapan wujudnya tertib antara lima jenis masalah-maslahah asasi tersebut, yaitu kepentingan agama diletak pada kelas pertama dan lebih utama dari kepentingan jiwa, sementara kepentingan jiwa mestilah diutamakan dari kepentingan akal, kepentingan akal mestilah diutamakan dari kepentingan keturunan dan kepentingan keturunan pula diutamakan dari kepentingan harta.⁸

Berkenaan dengan hal ini, Imam al-Ghazali menerangkan *masalahah daruri* berdasarkan urutannya:

"Maslahah yang lima ini memeliharanya terletak di tahap daruri. Yaitu yang paling kuat sifat kemaslahatannya. Contohnya, syarak menetapkan orang kafir yang menyesatkan orang lain dibunuh, demikian juga penganut bid'ah yang mengajak orang lain kepada bid'ahnya kerana ia merosakkan agamanya kepada masyarakat. Selain itu, syarak menetapkan wajib qisas terhadap pembunuhan untuk memelihara nyawa, mewajibkan hukuman had kepada orang yang meminum arak bagi menjaga akal kerana akal itu sendi pentaklifan, mewajibkan hukuman zina bagi menjaga keturunan dan wajib mendera pembongkar kuburan dan pencuri kerana dengannya terpelihara harta yang menjadi keperluan hidup manusia".⁹

6 Muhammad Mustafa Syalabi, *Ta'lim al-Ahkam*, cet. 2, (Beirut : Dar al-Nahdah al-Arabiah, 1981), hlm. 282.

7 Hasan Haji Ahmad, "*Maqasid Syari'yyah: Konsep Dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum*", Dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Azahari (eds.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 1999), hlm. 63-64.

8 Muhammad al-Said, *Buhuth Fi al-Adillah al-Mukhtalaf fiha 'Inda al-Usuliyyin*, (Kairo: t.p., 1977), hlm. 98.

9 Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad Al-Ghazali, *Op. Cit.*, hlm. 217.

Islam menjaga perkara *daruriyat* dalam dua segi, pertamanya dengan mewujudkan dan melengkapkannya. Ia berlaku sama ada secara positif yaitu dengan penjagaan kewujudannya dan yang keduanya secara negatif yaitu pengawasan supaya tidak berlaku perkara yang menafikan kepentingan *daruriyat* tersebut.¹⁰

Untuk merealisasikan agama, Allah SWT telah mewajibkan pelaksanaan segala rukun Islam yang lima, dan untuk menjaga agama, Islam telah mewajibkan jihad dan mengenakan seksa ke atas mereka yang murtad. Oleh yang demikian, terpeliharalah konsep beragama dan umat Islam dari kerosakannya.

Bagi menenteramkan jiwa, Islam telah mensyariatkan perkahwinan demi mengekalkan generasi manusia. Dan bagi memelihara jiwa, Allah telah mewajibkan makan dan minum dan memakai pakaian, serta mengenakan hukuman ke atas pembunuhan yaitu *qisas* atau *diyat* dan *kaffarat*.

Untuk mewujudkan akal yang sihat, Islam mengharuskan setiap perkara yang menjamin keselamatan dan menyuburkannya dengan menimba ilmu pengetahuan. Untuk menjaga akal, Islam mengharamkan setiap perkara yang merosakkan atau melemahkan kekuatan, seperti minum minuman yang boleh memabukkan dan mengambil sesuatu yang mengkhayalkan atau merosakkan akal fikiran seperti dadah dan sebagainya serta mengenakan hukuman yang berat ke atas mereka yang melakukannya.

Untuk menjaga keturunan, Islam telah mensyariatkan perkahwinan serta mengharamkan zina dan qazaf, dan mengenakan hukuman ke atas orang yang berzina dan membuat qazaf. Oleh itu terpeliharalah keturunan manusia dari perkara yang tidak diingini.

Manakala untuk mewujudkan harta pula, Islam mewajibkan manusia mencari rezeki yang halal dan mensyariatkan muamalat sesama mereka seperti berjual-beli, sewa-menyewa, syarikat, memberi pinjam dan sebagainya. Untuk memeliharanya, Islam mengharamkan mencuri, mewajibkan hukuman potong tangan, mengharamkan penipuan, khianat, riba dan memakan harta orang lain secara tidak sah dan mewajibkan ganti-rugi ke atas harta yang dimusnahkan.

2. Al-Maslahah al-Hajiyyat

Al-hajiyyat ialah kepentingan yang diperlukan oleh manusia bagi memberi kemudahan kepada mereka dan menghapuskan kesempitan yang membawa kepada

10 Muhammad Said al-Yubi, *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah Wa 'Alaqtuha Bi al-Adillah al-Syar'iyyah*, (Riyadh: Dar al-Hijrah, 1998), hlm. 194-195.

kesulitan dan kesukaran dengan ketiadaannya.¹¹ Manakala ketiadaannya pula tidaklah sehingga membawa kepincangan dalam hidup manusia sebagaimana yang berlaku dalam teori *al-daruriyyat*, tetapi ia membawa kesukaran hidup mereka. Dari segi kronologinya pula, ia berada selepas teori *al-daruriyyat*. *Maslahah-maslahah* ini boleh didapati dalam ibadat, adat, muamalat dan keseksaan.

Di dalam ibadat, disyariatkan beberapa kemudahan (*rukhsah*) seperti sembahyang *qasar* dan *jama`* bagi orang yang musafir, diharuskan tidak berpuasa Ramadan bagi orang yang sakit atau musafir, menunaikan sembahyang dalam keadaan duduk bagi orang yang tidak mampu berdiri, menyapu *khuf* sebagai ganti basuh kaki ketika berwuduk, bermusafir dan lain-lain lagi.

Di dalam adat pula, diharuskan berburu dan menikmati rezeki yang halal samada dalam bentuk makanan, pakaian dan tempat kediaman. Di dalam muamalat, diharuskan berbagai-bagai kontrak atau akad yang bermatlamat memenuhi keperluan manusia seperti jual-beli, sewa, bersyarikat, memberi jaminan dan sebagainya sebagaimana disyariatkan jalan-jalan bagi melepaskan tanggungjawab melalui sistem fasakh, menamatkan perkahwinan melalui perceraian kerana hajat atau keadaan mendesak dan diberi kuasa kepada wali untuk mengahwinkan anak perempuannya yang masih kecil kerana keperluan memilih pasangan yang sekufu.

Di dalam hukum keseksaan, Islam memberikan hak kepada waris mangsa untuk membunuh balas (*qisas*) dan bantu membantu di antara keluarga pembunuh dengan menanggung *diat* dan di samping itu disyariatkan penolakan hukum hudud dengan sebab wujudnya syubhat.

Pentarjihan ke atas *maslahah* berlaku apabila pertembungan antara *al-maslahah al-daruriyyat* dan *al-maslahah al-hajiyyat*. Pada waktu ini para ulama' wajib memilih atau mentarjih yang mana satu untuk diperakui dan dilaksanakan. Para ulama' usul telah membuat ketetapan bahawa *al-maslahah al-daruriyyat* mestilah diutamakan dari *al-maslahah al-hajiyyat* dengan alasan bahawa *al-maslahah al-daruriyyat*, jika tidak dilaksanakan akan membawa kecacatan hidup di dunia serta hilang nikmat di akhirat. Sedangkan membelakangi *al-maslahah al-hajiyyat* tidak menyebabkan cacat sistem hidup. Ia cuma mengakibatkan kesusahan dan kesukaran sahaja, lantaran itulah *al-maslahah al-daruriyyat* diutamakan.

11 Abu Ishaq al-Syatibi, *al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah*, juz. 2, cet. 3, (Beirut: Dar al-Ma`rifah, 1997), hlm. 326.

3. *Al-Maslahah al-Tahsiniyyat*

Al-Tahsiniyyat merupakan kepentingan yang dituntut oleh menjaga maruah yang menghendaki berpegang dengan adat-adat yang baik dan budi pekerti yang mulia¹², jika sekiranya ia tidak ada, nescaya tidak membawa kepada kepincangan sistem hidup manusia sebagaimana berlaku kepada *al-maslahah al-daruriyyat* dan tidak pula membawa kepada kesukaran hidup mereka sebagaimana yang berlaku kepada *al-maslahah al-hajiyyat*, tetapi ia membawa kepada kehidupan yang tidak elok pada pandangan orang-orang yang berakal.

Menurut Muhammad Said Ramadan al-Buti, *tahsiniyyat* ialah mempergunakan segala perkara yang layak dan patut untuk kemuliaan akhlak, ketinggian maruah serta keindahan adat. Jika tiada perkara-perkara itu tidaklah mencacatkan kehidupan manusia sebagaimana berlaku pada *al-maslahah al-daruriyyat* dan tidak juga seperti *al-maslahah al-hajiyyat*. Tetapi kehidupannya dibenci dan dicemuh oleh orang yang waras dan bertabiat sejahtera. Semua ini diliputi oleh bahagian kemuliaan akhlak yang boleh memperbaiki keadaan dan perjalanan hidup dengan cara yang lebih baik.

Al-Tahsiniyyat menduduki tempat yang ketiga dalam dari segi hiraki keutamaan teori *maslahah* dan boleh didapati dalam ibadat, adat, muamalat dan jenayah.

Di dalam ibadat, Islam mensyariatkan bersuci dan menutup aurat di dalam sembahyang, memakai bau-bauan semasa berada di dalam masjid dan tempat perhimpunan orang ramai dan sebagainya. Dalam muamalat, Islam melarang berjual-beli barang-barang najis dan yang memudaratkan, jual-beli seorang ke atas jual-beli orang lain dan pinangan atas pinangan orang lain. Dalam adat pula, Islam mengajar adab-adab makan dan minum, mengharamkan memakan makanan yang keji dan memudaratkan, sebagaimana Islam melarang melampaui batas dalam makan minum dan berpakaian dan sebagainya. Di dalam jenayah, Islam melarang membunuh kanak-kanak, perempuan dan paderi ketika peperangan, mewajibkan menunaikan haji bagi yang berkemampuan dan sebagainya.¹³

12 Yusuf Hamid al-'Alim, *Al-Maqasid al-'Ammah Li al-Syariat al-Islamiyyah*, (Riyadh: al-Dar al-'Alamiah Li al-Kutub al-Islami, 1994), hlm. 164.

13 *Ibid.*, hlm. 163.

Syarat Pengambilkiraan *al-Maslahah* Menurut al-Syatibi

Pada zaman mutakhir ini, terdapat segelintir kumpulan yang *mutasahil*, apabila melakukan sesuatu perkara yang bercanggah dengan Syarak mereka menggunakan dalihan *maslahah* sebagai alasan kukuh untuk menghalalkan perkara tersebut. Misalnya, mereka yang menjadi pelacur telah menggunakan justifikasi *maslahah* untuk memelihara anak sebagai alasan bagi mengharuskan pekerjaan mereka. Ini kerana tanpa wang, anak akan mati kelaparan tanpa makanan. Justeru, mereka melacurkan diri untuk menjaga nyawa manusia, (*hifz al-nafs*), salah satu daripada *daruriyyat al-khams*. Begitu juga golongan yang mengharuskan perniagaan riba, mereka turut menggunakan hujah yang sama.

Sehubungan dengan “gejala mengkambinghitamkan” *maslahah* tersebut, ulama telah meletakkan syarat-syarat *maslahah* sehingga ia boleh dianggap sebagai *maslahah* yang diterima Syarak.

Dalam peletakan syarat *maslahah* yang boleh dijadikan sebab pengharusan suatu yang dilarang, al-Imam al-Syatibi turut meletakkan beberapa syarat yang perlu dijaga ketika berhujah dengan *maslahah* di dalam kitabnya *al-I'tisam*, yaitu:¹⁴

1. Hendaklah *maslahah* itu diterima oleh logik akal, yaitu ada unsur rasionaliti. Namun harus menjadi ingatan bahawa *maslahah* tidak akan berkenaan dengan perkara ibadat kerana hukum asal kepada ibadat adalah menerima tanpa melihat kepada sebab dan `illah.
2. *Maslahah* tersebut bersesuaian dengan *maqasid Syariah* secara umum, yaitu dengan syarat *maslahah* itu tidak bercanggah dengan salah satu usul Syarak dan dalil yang *qat'i*. Sebaliknya *maslahah* tersebut harus dipastikan berteepatan dengan *maslahah-maslahah* yang diinginkan oleh Syarak untuk diraih sama ada *maslahah* itu termasuk dalam jenis *maslahah* yang diinginkan oleh Syarak secara jelas atau hampir dengan jenis tersebut walaupun tidak ada dalil khusus
3. *Maslahah* tersebut perlu merujuk kepada penjagaan *maslahah daruri* atau merujuk kepada mengangkat kesusahan yang membebankan (رفع لازم) di dalam agama.

Bertentangan dengan al-Syatibi, Imam al-Ghazali dalam kitab *al-Mustasfa*

14 Secara kefahaman pengkaji ia merangkumi *hajiyyat* kerana perletakan ۞ ini memberi erti *taqsim* iaitu pembahagian yang menuntut kepada makna yang berlainan dengan *daruri*.

telah menggariskan syarat yang begitu ketat.¹⁵ Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:

1. Hendaklah *masalahah* itu bersifat *daruriyyat* yaitu termasuk dalam *daruriyyat* lima (memelihara agama, nyawa, kehormatan, akal dan harta). Sekiranya *masalahah* itu berada di dalam kedudukan *hajiyyat* atau *tahsiniyyat*, maka *masalahah* itu tidak sah.
2. *Maslahah* tersebut hendaklah bersifat umum. Ia itu merangkumi semua manusia dan tidak boleh bersifat khusus.
3. *Maslahah* tersebut bersifat *qat`i* atau *zann* yang hampir kepada *qat`i*.
4. *Maslahah* tersebut tidak bertentangan dengan al-Qur'an, al-Sunnah dan *ijma`*.

Peletakan syarat *daruriyyat*, *qat`iyyat* dan *kulliyat*, menyebabkan teori *masalahah* sukar dilaksanakan dalam konteks masa kini. Al-Qaradawi sewaktu menghuraikan syarat-syarat ini telah menyebutkan:¹⁶

“Bukanlah satu kemestian seperti yang disyaratkan oleh Imam al-Ghazali dalam pemakaian *masalahah* yang mana ia mesti daripada jenis *daruriyyat*, kadang-kadang *masalahah* bersifat *hajiyyat* yang boleh memudahkan urusan kehidupan manusia dan membuang bebanan mereka. Bukanlah suatu kemestian *masalahah* bersifat umum, ini kerana menjaga *masalahah* individu-individu dan kumpulan yang berbeza adalah perkara yang diiktiraf dalam Syarak. Bukanlah suatu kemestian *masalahah* bersifat *qat`i*, ini kerana beramal dengan *zann* merupakan perkara yang dipraktikkan di dalam syarak.”

Al-Qaradawi turut menyokong pendekatan teori *masalahah* al-Syatibi dengan menyatakan:¹⁷

“Membataskan *masalahah* hanya kepada *daruri* dan membuang *masalahah* *hajah* dan *takmili* sedang kedua-duanya adalah dituju oleh Syarak untuk direalisasikan di dalam kehidupan manusia. Syarak inginkan kemudahan dan membuang kesusahan ke atas manusia dan petunjuk kepada metode yang paling kuat di dalam adab dan akhlak sistem muamalat. Ini menunjukkan bahawa *masalahah* *hajah* dan *takmilah* adalah maksud Syarak”.

Justeru, pengkaji berpandangan bahawa pendapat Imam al-Syatibi lebih dekat kepada *maqasid* Syarak. Di antara hujah yang boleh digunakan adalah tindakan Nabi Khidir a.s. yang mengkaramkan sampan orang miskin kerana

15 Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad Al-Ghazali, *Op. Cit.*, hlm. 294-296.

16 Yusuf al-Qaradawi, *Madkhal li Dirasah al-Syari`ah al-Islamiyyah*, cet. 7, (Kairo: Maktabah Wahbah, 2011), hlm. 150.

17 *Ibid.*, hlm. 151.

Baginda melihat ia adalah *maslahah* yang dapat menyelamatkan sampan mereka daripada dirampas. Tindakan ini hanya bersifat khusus kepada golongan miskin di tempat tersebut bukan bersifat umum.

Aplikasi Masalah Bagi Tujuan Pendidikan Perubatan

Perkembangan ilmu dalam disiplin sains dan teknologi hari ini menjadi semakin luas. Ia merentasi setiap aspek kehidupan manusia termasuklah dalam bidang perubatan. Dalam berhadapan dengan fenomena tersebut, hukum Islam sebagai panduan kehidupan yang bersifat syumul akan sentiasa progresif bagi menangani perkembangan ini. Sehubungan itu, banyak isu dalam bidang perubatan yang telah menjadi subjek perbincangan fiqh. Antaranya isu penggunaan ubat dari sumber yang haram, pendermaan darah, penggunaan tisu babi, pendermaan organ, bayi tabung uji, pendermaan sperma, pendermaan rahim, dan lain-lain.

Namun begitu, saban hari timbul isu-isu baharu dalam dunia perubatan yang boleh dikategorikan sebagai *nawazil fiqhiyyah*. Ianya memerlukan *takyif fiqhi* yang tepat agar isu yang timbul dapat ditetapkan hukumnya dengan jelas. Antara isu dalam perubatan yang masih menjadi perbincangan dalam dunia Islam hari ini adalah penggunaan mayat dalam bidang pendidikan perubatan.

Dalam isu ini, terdapat dua hukum asas penggunaan mayat dalam pendidikan perubatan, yaitu sama ada diharamkan secara mutlak, mahupun dibenarkan dalam konteks yang terhad (*maslahah*). Di Malaysia, jasad mayat telah lama digunakan untuk tujuan pendidikan perubatan oleh pihak institut pengajian tinggi (IPT). Antara yang terlibat adalah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi MARA.

Kebanyakan mayat yang digunakan oleh IPT di atas adalah diperolehi daripada pemerolehan sumber mayat dari luar negara, hospital-hospital tempatan tertentu dan kebanyakannya adalah mayat yang tidak dikenal pasti (*unidentified*) serta mayat yang tidak dituntut (*unclaimed*). Namun begitu, timbul persoalan hukum, sama ada penggunaan ini dibenarkan menurut Syarak atau diharamkan secara mutlak.

Secara asasnya, melakukan pembedahan terhadap mayat tanpa apa-apa tujuan adalah diharamkan kerana ianya melanggar prinsip penghormatan terhadap mayat. Ia berdasarkan firman Allah SWT:

“Dan sesungguhnya telah kami muliakan anak-anak Adam ,kami angkut mereka di daratan dan di lautan ,kami beri mereka rezki dari yang baik-baik dan kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah kami ciptakan.”¹⁸

Ayat ini telah menjelaskan bahawa Allah SWT telah memuliakan manusia, dan kemuliaan tersebut tidak boleh dicerobohi tanpa sebarang objektif yang pasti. Terdapat juga beberapa hadis yang melarang mematah-matahkan anggota mayat kerana ia dianggap melanggar prinsip penghormatan kepada mayat. Antaranya, Hadis Buraidah r.a, beliau telah berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَمَرَ أَمِيرًا عَلَى جَنْشٍ أَوْ سَرِيَّةٍ أَوْ صَاهُ فِي خَاصَّتِهِ بِتَقْوَى اللَّهِ وَمِنْ مَعَهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ خَيْرًا ثُمَّ قَالَ اغْزُوا بِاسْمِ اللَّهِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ قَاتِلُوا مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ اغْزُوا وَلَا تَغْلُوا وَلَا تَغْدِرُوا وَلَا تَمَثَّلُوا

“Adalah Rasulullah SAW jika mengangkat seorang amir (komandan) atas suatu pasukan atau sariyah, beliau memberinya wasiat secara khusus supaya bertaqwa kepada Allah SWT, dan memperlakukan pasukannya dengan baik. Beliau lantas bersabda: “Berperanglah dengan menyebut nama Allah, di jalan Allah, perangilah orang yang kafir kepada Allah ! Berperanglah, janganlah mencuri harta rampasan perang sebelum dibagi, jangan membatalkan perjanjian secara sepihak, jangan mencincang mayat musuh...”¹⁹

Hadis Umm al-Mu’minin A’isyah r.a daripada Nabi SAW, bahawa Baginda bersabda:

كسر عظم الميت ككسره حيا

“Sesungguhnya mematah-matahkan tulang orang mu’min yang telah mati sama seperti mematah-matahkan tulangnya ketika hidup”.²⁰

18 Al-Israa’ (17): 70.

19 Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab Ta’mir al-Imam al-‘Umarah ‘ala al-Bu’uth, wa Wasiah Iyahum bi Adab al-Ghazwu wa Ghairiha, no. hadis 1731. Lihat Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, juz. 3, (Kairo: Dar al-Hadith, 1991), hlm. 1356-1358

20 Hadis Riwayat Abu Dawud, Kitab al-Jana’iz, Bab Fi al-Haffar Yajidu al-‘Izam, hal Yatanakkabu Zalika al-Makan, no. hadis 3207, hadis ini sahih menurut pentahqiq kitab ini (Syu’aib al-Arnaut dan Muhammad Kamil), dan al-Baihaqi, Kitab al-Jana’iz, Bab Min Karh an Yahfira lahu Qabr Ghairuhu, no. hadis 7081. Lihat Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy’ath, *Sunan Abi Dawud*, juz. 5, (Damsyiq: Dar al-Risalah, 2009), hlm. 116. Ahmad bin al-Husain al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kubra*, juz. 4, (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), hlm. 96.

Namun ia boleh menjadi suatu *rukhsah* sekiranya ada tujuan-tujuan tertentu. Terutamanya tujuan-tujuan yang mendatangkan masalah bagi manusia. Sesuai dengan kaedah Syarak:

إذا تعارضت مصلحتان قدم أقواهما، وإذا تعارضت مفسدتان ارتكب أخفهما تفاديا لأشدهما

“Sekiranya dua masalah bertentangan maka diutamakan masalah yang lebih kuat, dan sekiranya dua mafsadah bertembung maka diambil mafsadah yang lebih ringan”.²¹

Maslahah yang wujud dalam proses pembedahan mayat untuk tujuan pendidikan dalam bidang perubatan merupakan masalah yang umum di mana manfaatnya akan kembali kepada kepentingan masyarakat awam. Penguasaan dalam bidang berkenaan menjadi suatu keperluan yang tidak disangkal lagi kerana ia menjadi suatu jalan keluar untuk menghilangkan kemudaratan, kesengsaraan dan kesakitan yang menimpa masyarakat setelah jalan penyembuhan dan rawatan boleh dikenalpasti melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan secara tidak langsung.

Sedangkan masalah yang timbul dalam melarang melakukan pembedahan ke atas mayat adalah masalah yang bersifat khas, yaitu masalah ke atas mayat itu sendiri. Berdasarkan keadaan tersebut sekiranya bertembung dua masalah, maka tidak syak lagi masalah yang umum (yang melibatkan masyarakat) itu lebih kuat, maka wajib untuk mengutamakan berbanding masalah individu yang lemah (*marjuh*).

Situasi ini juga boleh disamakan dengan contoh perbincangan yang dikesukakan oleh para ulama terdahulu dalam penulisan mereka sewaktu membincangkan hukum harus membedah mayat untuk beberapa tujuan tertentu seperti:

1. Membedah perut ibu mengandung untuk mengeluarkan anak dalam kandungan yang ada harapan untuk hidup.²²
2. Membedah mayat untuk mengeluarkan harta yang dicuri bagi dikembalikan kepada tuannya.²³

Perkara ini diharuskan walaupun dilihat secara kasarnya melanggar kehormat

21 Ahmad bin Muhammad al-Zarqa, *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, (Damsyiq: Dar al-Qalam, 1989), hlm. 201.

22 al-Nawawi, *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, juz. 5, (Jeddah: Maktabah al-Irsyad, t.th), hlm. 270.

23 al-Nawawi, *Raudah al-Talibin*, juz. 1, (Riyad: Dar 'Alim al-Kutub, 2003), hlm. 659.

matan mayat, tetapi apabila wujudnya tujuan yang melibatkan masalah dan masalah tersebut lebih kuat dan diperakui oleh syarak maka diharuskan (sebagai suatu bentuk rukhsah) untuk membedah atau memotong mayat tersebut.

Berasaskan skema al-Syatibi, penggunaan jasad mayat untuk tujuan pendidikan perubatan menjadi keperluan yang mencapai tahap bersifat *daruriyyah* apabila tiada cara lain yang boleh dilakukan untuk menjaga nyawa manusia. Sebagai contoh, semasa wabak Japanese Encephalitis (JE), ujian ke atas mangsa wabak yang meninggal dunia dilakukan bagi mengenal pasti virus yang menyebabkan kematian tersebut.

Adapun dalam penggunaan jasad si mati dalam hubungan ini adalah diperlukan bagi:

1. Mengenal pasti punca penyakit yang boleh membawa maut.²⁴
2. Memperbaiki kaedah pembedahan bagi menyelamatkan nyawa pesakit.²⁵
3. Menyelamatkan nyawa manusia yang ramai melalui penemuan-penemuan menerusi kajian dan ujian yang dilakukan ke atas jasad.²⁶

Penggunaan jasad si mati dalam pendidikan yang akan merealisasikan tujuan di atas akan menyumbang kepada terjaminnya kemaslahatan umum. Dalam hal ini, oleh kerana penjagaan masalah kehidupan manusia menjadi suatu keperluan *daruriyyah* yang diambil berat oleh syarak, maka apa sahaja cara yang boleh menyebabkan tercapainya masalah tersebut turut menjadi suatu yang dituntut.

Sementara itu, keperluan terhadap penggunaan jasad juga boleh berada pada tahap *hajiyyah*, yaitu sesuatu yang diperlukan untuk menghilangkan kesempitan. Namun ianya tidaklah sampai ke tahap mendatangkan kerosakan terhadap kemaslahatan umum. Contohnya, orang lelaki menampal hidung yang terpotong dengan emas (yang asalnya diharamkan bagi lelaki) untuk menghilangkan bau busuk. Keperluan penggunaan bahan emas tadi tidaklah sampai ke peringkat *daruriyyah* sehingga menyebabkan nyawanya tergugat namun bagi tujuan menghindarkan kesempitan dan kepayahan yang dialami jika tidak menggunakan bahan tersebut. Contoh semasa bagi pengajian perubatan misalnya, dalam

24 Wawancara dengan Abdul Latif Mohamed, Profesor Fakulti Perubatan, Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya, 12 Jun 2013.

25 Wawancara dengan Fauziah Othman, Profesor Jabatan Anatomi, UPM), 8 April 2013.

26 Wawancara dengan Md Fadzil Md Hassan, Profesor Madya Fakulti Perubatan, UTM), 24 Mei 2013.

pembelajaran anatomi, penggunaan spesimen mayat menjadi keperluan berbentuk *hajjah* kerana tanpa menggunakan spesimen tersebut pelajar tidak mampu menguasai ilmu anatomi secara mendalam. Sudah tentu dengan demikian akan menyebabkan ketidaksempurnaan penguasaan dalam ilmu tersebut yang mana akan mengakibatkan terjejasnya pencapaian dalam bidang berkenaan.

Dalam menentukan sesuatu keperluan sama ada ia berada di tahap *daruriyyah* atau *hajiyyah*, neracanya adalah relatif dan nisbi. Berikut adalah beberapa keadaan yang dinilai bersifat *hajiyyah* dalam keperluan menggunakan jasad untuk tujuan pendidikan, antaranya:²⁷

1. Pengajaran dan pembelajaran untuk mengenal pasti saraf dan otot.
2. Pengajaran dan pembelajaran asas terhadap tubuh badan manusia (anatomi).

Keperluan terhadap penggunaan jasad sebegini tidak sampai ke tahap *darurah* atas beberapa alasan, yaitu:²⁸

1. Tidak menjejaskan *daruriyyat al-khams* secara langsung.
2. Wujudnya alternatif lain selain penggunaan mayat seperti penggunaan model anatomi plastik.

Pengajaran dan pembelajaran masih boleh dijalankan walaupun jumlah mayat sedikit dengan membuat penyesuaian kepada kaedah pengajaran seperti meningkatkan jumlah nisbah mayat kepada pelajar,²⁹ dan mengubah kaedah pengajaran menggunakan mayat daripada *dissection*³⁰ kepada *prosection*.³¹

27 Wawancara dengan Fauziah Othman, *Op. Cit.*

28 Kerana dengan tidak menggunakan mayat untuk tujuan-tujuan bersifat *hajiyyat* seperti mempelajari dan mengenalpasti struktur badan manusia, ia tidak menjejaskan kehidupan orang yang hidup secara langsung tetapi ia akan melahirkan ahli perubatan yang kurang mahir dan kurang berpengetahuan yang akan mengakibatkan penyakit sukar diubati.

29 Nisbah mayat kepada pelajar pada tahun-tahun 1970-an hingga 1980-an ialah 1:8. Pada tahun 1990-an, nisbahnya menjadi 1:15. Daripada temu bual dengan pakar-pakar anatomi, nisbah sekarang ialah 1:25 (bergantung kepada institusi pengajian tinggi). Ada juga institusi pengajian tinggi yang menggunakan mayat yang sama di dalam dua sesi pengajaran menjadikan nisbah mayat kepada pelajar 1:50.

30 Kaedah *dissection* juga dikenali sebagai *anatomisation* iaitu pelajar sendiri melakukan proses membedah dan mengasingkan bahagian anatomi semasa pembelajaran. Kaedah ini digunakan apabila nisbah mayat kepada pelajar adalah rendah, misalnya 1:8 yang memberi peluang kepada semua pelajar perubatan menggunakan mayat secara *hands-on*.

31 Kaedah *prosection* ialah penyediaan spesimen anatomi melalui proses membedah

1. Penggunaan *plastinated specimen*³² (spesimen mayat yang dikeringkan) dan kaedah pembedahan maya dapat menggantikan penggunaan mayat yang segar (spesimen basah).
2. Penggunaan mayat orang bukan Islam yang tidak dituntut (*unclaimed*) dan tidak dikenali (*unidentified*) yang jumlahnya masih mampu menampung keperluan pendidikan.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan penggunaan mayat untuk tujuan pendidikan perubatan yang boleh menjamin terpeliharanya *masalah al-daruriyyah* dan *masalah al-hajiyyah* hukumnya adalah harus. Ini kerana hukum harus melakukan suatu yang asalnya haram boleh berlaku, ketika *darurah* ataupun *hajjah*.

Rumusan ini selari dengan beberapa keputusan fatwa yang telah memutuskan tentang keharusan menggunakan mayat untuk tujuan penyelidikan. Fatwa tersebut adalah seperti berikut:

1. Fatwa hukum pembedahan mayat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran - *Hai'ah Kibar al-Ulama' bi al-Mamlakah al-'Arabiyah al-Sa'udiyah*.³³
2. Fatwa hukum pembedahan mayat untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran - *Majma' al-Fiqh al-Islami bi Makkah al-Mukarramah*.³⁴

Penutup

dan mengasingkan bahagian anatomi daripada mayat yang dilakukan oleh pakar atau profesional di dalam bidang anatomi. Pelajar hanya menggunakan specimen yang sudah disediakan oleh pakar anatomi semasa proses pengajaran, dan pelajar tidak terlibat di dalam penyediaan specimen untuk pengajaran. Kaedah ini diguna pakai apabila nisbah mayat kepada pelajar meningkat kepada nisbah sekarang, misalnya 1:25.

- 32 *Plastinated specimen* disediakan menerusi proses plastinasi yang melibatkan pengeringan dan pengerasan specimen biologi daripada mayat. Air dan lemak di dalam mayat digantikan dengan polimer sintetik. Spesimen mayat yang disediakan melalui kaedah ini lebih tahan lama dan amat berharga dalam pengajaran dan pembelajaran anatomi. Bagaimanapun, specimen *plastinated* ini tidak menunjukkan sifat dan rasa sebenar organ dan tisu manusia kerana telah melalui proses pengeringan dan pengerasan.

33 *Hai'ah Kibar al-Ulama'*, "Ijra' 'Amaliyah Tibbiyah 'ala Mayyit Muslim", *alifta.net*, diakses pada 29 Agustus 2013.

34 *al-Majma' al-Fiqhi al-Islami*, "Tasyrih Juthath al-Mauta", *islamtoday.net*, diakses pada 29 Agustus 2013.

Al-Syatibi memberikan sumbangan yang besar dalam membangunkan teori *al-maslahah*. Beliau telah meletakkan syarat yang lebih mudah, selaras dengan kondisi masyarakat manusia yang terdedah kepada keperluan-keperluan tertentu sama ada pada tahap *darurat*, *hajat* mahupun *tahsinat*. Peletakan syarat yang ketat tujuannya adalah bagi membendung gejala penyalahgunaan *maslahah* sebagai justifikasi hukum dalam menangani suatu isu, khususnya yang tiada nass yang jelas daripada al-Quran dan al-Sunnah. Teori Maslahah al-Syatibi menawarkan syarat yang lebih terbuka dan ia relevan dengan konteks semasa dan setempat serta dapat diaplikasi dalam menangani isu semasa berkaitan umat Islam, sama ada dalam bidang perubatan dan kejuruteraan genetik.

Bibliografi

- `Abd Allah Bayyah, *Amali al-Dilalat wa Majali al-Ikhtilafat*, Beirut: Dar al-Minhaj, 2007.
- Abdul Karim Ali dan Raihanah Azahari (eds.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam UM, 1999.
- Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath, *Sunan Abi Dawud*, juz. 5, Damsyiq: Dar al-Risalah, 2009,
- Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazali, *al-Mustasfa Min `Ilm al-Usul*, jilid. 1, Beirut: Dar al-Fikr, tt.
- Abu Ishaq al-Syatibi, *al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah*, juz. 2, cet. 3, Beirut: Dar al-Ma`rifah, 1997.
- Ahmad bin al-Husain al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kubra*, juz. 4, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2003.
- Ahmad bin Muhammad al-Zarqa, *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Damsyiq: Dar al-Qalam, 1989.
- Al-Majma' al-Fiqhi al-Islami, "Tasyrih Juthath al-Mauta", *islamtoday.net*. <http://islamtoday.net/nawafeth/artshow-32-4584.htm>.
- Al-Nawawi, *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, juz. 5, Jeddah: Maktabah al-Irsyad, tt.
- Al-Nawawi, *Raudah al-Talibin*, juz. 1, Riyad: Dar 'Alim al-Kutub, 2003.
- Duski Ibrahim, *Metode Penetapan Hukum Islam: Membongkar Konsep al-Istiqra' al-Ma'nawi asy-Syatibi*, Yogyakarta: Ar-Ruzz Media, 2008.
- Ibn Manzur, *Lisan al-`Arab*, juz. 2, Beirut: Dar al-Fikr, 1972.
- Muhammad al-Said, *Buhuth Fi al-Adillah al-Mukhtalaf fiha 'Inda al-Usuliyyin*, Kai-ro: t.p., 1977.
- Muhammad Mustafa Syalabi, *Ta'lil al-Ahkam*, cet. 2, Beirut : Dar al-Nahdah al-Arabiah, 1981.

Noor Naemah Abdul Rahman, dkk.

Muhammad Said al-Yubi, *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah Wa 'Alaqtuha Bi al-Adillah al-Syar'iiyyah*, Riyadh: Dar al-Hijrah, 1998.

Yusuf Hamid al-'Alim, *Al-Maqasid al-'Ammah Li al-Syariat al-Islamiyyah*, Riyadh: al-Dar al-'Alamiah Li al-Kutub al-Islami, 1994.

Yusuf al-Qaradawi, *Madkhal li Dirasah al-Syari'ah al-Islamiyyah*, cet. 7, Kairo: Maktabah Wahbah, 2011.

Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, juz. 3, Kairo: Dar al-Hadith, 1991.

Website

al-Majma' al-Fiqhi al-Islami, "Tasyrih Juthath al-Mauta", *islamtoday.net*.

Hai'ah Kibar al-Ulama', "Ijra' 'Amaliyah Tibbiyah 'ala Mayyit Muslim", *alifta.net*.

Informan

Abdul Latif Mohamed, Profesor Fakulti Perubatan, Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya.

Fauziah Othman, Profesor Jabatan Anatomi, UPM.

Md Fadzil Md Hassan, Profesor Madya Fakulti Perubatan, UTM.